

Banjir kilat di Jalan Tun Razak sering timbulkan masalah kepada warga kota

Tangani segera isu banjir kilat

Kosmo 19/12/2011 M 11.

KUALA LUMPUR - Banyak pihak menuntut penyelesaian segera dicari berikutan insiden banjir kilat di Jalan Tun Razak di sini, Selasa lalu akibat hujan lebat di sekitar ibu negara.

Mereka berpendapat, isu banjir kilat di kawasan utama di ibu kota itu sudah berlarutan sejak sekian lama dan sudah tiba masanya untuk meletakkan titik noktah kepada lalu lintas yang lumpuh dan ancaman kepada keselamatan nyawa dan harta benda setiap kali hujan lebat.

Pengerusi Penyelaras Barisan Nasional (BN) Parlimen Titiwangsa, Datuk Johari Abdul Ghani berkata, langkah penyelesaian holistik perlu diambil bagi memastikan kejadian serupa itu tidak beru-



Jalan Tun Razak banjir kilat

Ribuan kenderaan terperangkap

KUALA LUMPUR - Ribuan kenderaan terperangkap dalam kemacetan teruk sepanjang Jalan Tun Razak, Selasa (12/12) akibat hujan lebat yang berlaku di sekitar ibu negara. Ribuan kenderaan terperangkap dalam kemacetan teruk sepanjang Jalan Tun Razak, Selasa (12/12) akibat hujan lebat di sekitar ibu negara.

**KERATAN Kosmo! 14
Disember 2011.**

lang. "Kita tidak boleh hanya mengharapkan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) atau Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) untuk me-



KEJADIAN banjir kilat di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur perlu diselesaikan bagi mengelakkan kesulitan kepada warga kota.

nyelesaikan masalah ini. Ia memerlukan campur tangan pelbagai pihak," katanya. Beliau berkata, peruntu-

kan besar diperlukan untuk membina lebih banyak sistem penahan banjir dan membuat lencongan sungai.

"Ini berbalik semula kepada kerajaan Persekutuan untuk mengeluarkan peruntukan yang secukupnya bagi memastikan projek meningkatkan saliran dapat dibuat sebaik mungkin," kata Johari.

Menurut beliau, penglibatan kerajaan Persekutuan perlu memandangkan DBKL dan KWPKB mungkin mempunyai peruntukan terhad dan tidak mampu menyelesaikan masalah banjir kilat secara sendiri.

Johari yang juga Pengerusi Pusat Khidmat Masyarakat Titiwangsa berkata, pihaknya menerima banyak aduan orang ramai mengenai masalah yang timbul bila berlaku banjir, terutamanya melibatkan penduduk Kampung Baru yang perlu berpindah.

Beliau menegaskan, ca-

dangan pembinaan sistem penahan banjir dan lencongan sungai oleh Jabatan Pengairan dan Saliran perlu dibuat dalam kadar segera.

Dalam pada itu, 10 lokasi dikenal pasti menerima taburan hujan luar biasa di sekitar Kuala Lumpur termasuk di Jalan Tun Razak dan Cheras yang menjurus kepada banjir kilat.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Ahmad Fuad Ismail berkata, Sungai Bunus, anak sungai yang mengalir berhampiran Jalan Tun Razak, Kampung Baru, Jalan Semarak dan beberapa tempat di Setapak, tidak mampu menampung jumlah air hujan pada Selasa lepas, sehingga melimpah ke Jalan Tun Razak dan kawasan sekitarnya. - Bernama